Wakaf Pulau Pinang
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
201601004546 (1175472-M)

" Wakaf Produktif "

WAKAF PULAU PINANG

WPP/01/06/6 (183)
03 Safar 1443H
10hb September 2021

***SEPERTI SENARAI EDARAN***

**السلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Tuan/ Puan

**TAWARAN BAGI SEBUTHARGA PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI- PROTON WAJA (NO PENDAFTARAN- PHF6443)**

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Wakaf Pulau Pinang bercadang untuk menjual 1 unit kenderaan terpakai proton Waja No. Pendaftran PHF6443. Butiran kenderaan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| No Pendaftaran | : PHF6443 |
| Model/ Tahun dibuat | : 1.6 manual/2007 |
| Tempat | : **Pejabat Urusan Wakaf Pulau Pinang** |
| Deposit | : **10% daripada harga tawaran (Bank Draft sahaja)** |

3. Tawaran adalah dipelawa untuk semua Warga Negara Malaysia di Pulau Pinang mahupun pegawai dan kakitangan Wakaf Pulau Pinang yang berminat untuk membeli kenderaan tersebut. Dokumen pelawaan boleh diperolehi secara percuma dengan memuat turun di laman web http://www.wakafpenang.com.my mulai 10 Septermber 2021.

4. Tuan/ puan yang berminat dan hendak melihat kenderaan tersebut dibenarkan pada hari bekerja dari pukul 9:00 pagi sehingga 4:00 petang dipejabat Wakaf Pulau Pinang No. 2 & 4, Kampung Kaka, Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

5. Tuan/ Puan hanya dibenar mengemukakan satu tawaran sebutharga sahaja. Dokumen tawaran yang lengkap diisi beserta deposit hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dengan **menulis tajuk sebut harga disudut atas sebelah kiri** dan dimasukkan ke dalam peti tender di ruang Pejabat **Wakaf Pulau Pinang No. 2 & 4, Kampung Kaka, Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Dokumen yang lewat diterima selepas tarikh dan masa sebutharga ditutup adalalah dikategorikan sebagai Sebutharga lewat dan tidak akan dipertimbangkan.**

No. 2 & 4, Kampung Kaka, 10200 Georgetown, Pulau Pinang
604-2519917 / 2519720 No.fax : 04-2519546 admin@wakafpenang.com.my
www.wakafpenang.com.my Wakaf Pulau Pinang

6. Tarikh tutup tawaran ialah **24 September 2021** jam **12:00 tengahari.**

Sekian, harap maklum.

**"MENJANA EKONOMI UMMAH"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI ROSIDI BIN HUSSAIN)**
Ketua Pegawai Eksekutif,
Wakaf Pulau Pinang.

**BORANG SEBUTHARGA BAGI TAWARAN PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI WAKAF PULAU PINANG**

**السلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Ketua Pegawai Eksekutif,
Wakaf Pulau Pinang
No. 2 & 4, Kampung Kaka,
George Town,
10200 Pulau Pinang.

Tuan/Puan,

**TAWARAN BAGI SEBUTHARGA PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI PROTON WAJA NO PENDAFTARAN PHF6443**

Merujuk perkara diatas, Saya/ Syarikat berminat menyertai sebutharga tersebut. Saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk membeli kenderaan tersebut dengan harga sebanyak Ringgit Malaysia: ______________________________________________ ________________________________________________________(RM)______________________)

2. Bersama-sama ini disertakan deposit sebutharga (sebanyak 10% daripada harga tawaran kenderaan sebagaimana dinyatakan diatas) yang bernilai RM______________ Ringgit Malaysia : _____________________________________________________________________________________

Dalam bentuk kiriman wang/ bank draff atas nama Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd.

3. Saya/ Syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Tempoh mengambil kenderaan ialah **4 minggu dari surat tawaran dikeluarkan.**

Bertarikh pada________haribulan____________2021

.......................................................
Tandatangan Penyebutharga

Nama: __________________________
No. K/P: ________________________
Alamat: _________________________
_________________________
_________________________

Cop : 
Syarikat

# MUSTAHAK

## SYARAT-SYARAT AM

**Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.**

1. **KEADAAN KENDERAAN**
   Kenderaan adalah sepertimana keadaan kenderaan sekarang (*as-is-where-is-basic*)

2. **HARGA**
   Kenderaan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua perbelanjaan dan pengangkutan yang berkaitan.

3. **DEPOSIT**
   Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebanyak 10% daripada harga tawaran kenderaan di atas. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman Wang/bank draf atas nama Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd.

4. **KOS-KOS LAIN**
   Semua perbelanjaan berkaitan pembelian kenderaan seperti kos menanggal (*dismantle*), mengikut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh penyebutharga sendiri.

5. **TAFSIRAN**
   Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-Undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

6. **HAK PENTADBIRAN UNTUK MENERIMA/ MENOLAK SEBUTHARGA**
   Pihak Wakaf Pulau Pinang adalah berhak tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Penilaian Sebutharga adalah Muktamad.

7. **PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA**
   a. Dokumen sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dicatatkan dengan Tajuk Sebutharga dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga pada masa dan tempat yang telah ditetapkan dalam Notis Sebutharga.

   b. Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.

   c. Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

8. **TEMPOH BAYARAN PENUH**

Penyebutharga yang berjaya hendaklah membuat bayaran penuh dalam tempoh **4 minggu** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan

9. **TEMPOH MENGAMBIL KENDERAAN**

Penyebutharga yang berjaya hendaklah mengambil kenderaan dalam tempoh satu (1) minggu setelah pembayaran penuh dijelaskan. Jika tidak mengambil dalam tempoh tersebut bayaran tidak akan dikembalikan dan tawaran adalah di anggap terbatal.